


PERPUSTAKAAN MELAYU



Ulasan Buku-Buku Qalam Di Radio Malaya

Buku Tunas Baru

Buku Tunas Baru, buku A.B.C

ialitu sebuah buku permulaan huruf rumi yang berwarna warni dengan cara teknik yang tidak kurang indahnya dengan penerbitan-penerbitan bangsa asing telah disambut oleh pengulas buku-buku di Radio Malaya baharu-baharu ini.

Puan Zaharah Za'ba, mengenai buku ini telah berkata di dalam siaran Radio Malaya itu diantara lain:

“Sungguhpun sudah banyak buku kanak-kanak

dikeluarkan tetapi belum cukup, oleh itu tiap-tiap

satu keluaran baru itu, akan jadi tambahan satu

lagi buku kegemaran kanak-kanak. Tunas Baru A. B.

C. ialah untuk anak-anak yang baru belajar menulis,

disusun oleh cikgu Abdul Rahman bin Haji Muhammad

Said. Kulitnya merah garang dan lekas menarik

perhatian anak-anak kecil, lebih-lebih lagi apabila melihat gambar

dua orang anak, seorang lelaki dan seorang

perempuan asyik menulis, terlukis di kulit depannya.

Huruf-huruf dalam buku itu ditulis terang dengan warna

merah dan diasingkan dengan gambar benda-benda yang namanya mula

dengan huruf itu. Dan di bawahnya dituliskan pula

perkataan nama benda yang terlukis. Dengan berpandukan

huruf, gambar dan perkataan yang sedia, anak-anak boleh

belajar menulis, mengenal huruf dan benda dengan suka

hati. Memikirkan betapa sukanya hati kanak-kanak kita

kalau mendapat buku-buku gambar dan tulisan, kebanyakannya buku-buku asing, elok benar kalau anak-anak kita di kenalkan dengan lagi satu buku kegemaran mereka – buku kita sendiri Tunas Baru buku A.B.C.”

Buku ini besarnya $10\frac{1}{2} \times 7\frac{1}{2}$ tebalnya

48 muka semuanya di cetak di dalam tiga warna. Harganya hanya \$1.50 senaskah. Inilah sebaik-baik buku permulaan Melayu yang pernah di terbitkan.

Teras Kebudayaan Nasional

Buku Teras Kebudayaan Nasional (huruf

rumi) karangan cikgu Mahmud Ahmad telah mendapat ulasan istimewa di Radio Malaya pada 29 Oktober 1958. Di Bawah ini disiarkan penuh ulasan buku itu oleh A. Abdul Rahman Yusof:

“Bangsa Melayu mempunyai kebudayaan yang

bersejarah, sejak 3,500 tahun dulu. Orang-orang

kita telah berambil-ambilan kebudayaan dari bangsa asing,

seperti China, India, Parsi, Arab, Portugis,

Belanda dan Inggeris. Mereka tahu dan sedar bahawa

kebudayaan itu ialah nilai bangsa, dan satu daripada

tanggungjawab orang-orang Melayu, ialah mengembangkan dan meninggikan kebudayaannya.

Untuk membantu pada menjayakan cita-cita baik ini,
telah dikehendaki satu panduan, dan panduan itu
boleh didapati di dalam sebuah buku pengetahuan yang bernama
“Teras Kebudayaan Nasional”, satu hasil usaha
Cikgu Mahmud bin Ahmad.

Waktu kebudayaan sedang di kembang dan dipertinggikan,
waktu kebudayaan sedang di persimpangan jalan, tidak
mungkin undur, tetapi sebaliknya mesti mara dan
terus maju, orang-orang kita hendaknya janganlah melupakan
tiga perkara: 1. Dasar persatuan masyarakat bangsa
kita. 2. Menyuburkan semangat ilmu pengetahuan dan teknik
dalam jiwa orang-orang kita dan 3. Walau bagaimanapun
kembangnya peribadi, mementingkan diri seseorang
tetapi hendaknya janganlah melemahkan keinsafan “persatuan
hidup”.

Begitulah yang terdapat dalam buku Teras Kebudayaan
Nasional. Cikgu Mahmud, memperturunkan inti –
sari daripada kertas kerja yang ditulisnya berkenaan dengan
kebudayaan Melayu secara umum, dan dibincangkan
dalam Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama di Melaka,
antara 30 Disember 1957 dan 2 Januari 1958.

Cita-cita Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama,
dengan tujuan mempertinggikan kebudayaan bangsa kita dan
menegakkan suatu kebudayaan nasional di Tanah Melayu
ini, tidak akan berjaya, sekiranya seluruh rakyat
tidak mengetahui apa dia kebudayaan, dari mana puncanya
perkataan itu, apa kaitannya kepada diri dan negara.

Ini semua adalah terkandung dalam buku Teras
Kebudayaan Nasional, yang disusun oleh cikgu Mahmud
dengan bahasa yang mudah di faham bagi melanjutkan lagi
pelaksanaan cita-cita besar itu. Sungguhpun buku ini

tidak cukup lengkap, menurut kata pengarangnya, tetapi
pada pendapat saya, lebih daripada memadai untuk menjadi
tatapan umum, terutama sekali orang-orang yang tidak dapat
menghadiri Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama
itu. Sudah barang tentu, buku ini, memakan tenaga –
usaha yang banyak terutama sekali, tentang menyelidik dan
menyiasat, mempertimbangkan dan menjadikannya suatu buku
kecil yang padat, yang boleh dianggap sebagai suatu
mestikaniyyah, ibarat intan yang sudah siap bercanaai.
Di antara lain-lain, buku ini memberi kesimpulan –
kata, perkara menegakkan kebudayaan bangsa itu, bukan
semata-mata diucapkan dengan omong-omong sahaja, atau
diberhentikan setakat menghamburkan kata-kata falsafah.
Usaha rakyat yang mengetahui, pada mengusaha dan mengamalkannya,
ialah tindakan yang paling perlu. Kelalaian dan kesilapan
kita pada masa yang lampau, patutlah dijadikan contoh
ajaran bagi memperkenal baik buruknya, menapis segala
kekotoran dan meninggalkan yang suci sahaja, untuk
amalan kita beramai-ramai.

Betul, sungguh benar, tetapi sebelum itu patutlah
diambil tahu, asal usul erti, buruk – baiknya
kebudayaan kita, dan untuk melengkapkan kita dengan
sedikit sebanyak pengetahuan seperti itu, ialah dari
buku Teras Kebudayaan Nasional, karangan cikgu
Mahmud ini.”

Buku ini harganya \$1.50 senaskhah, lain
belanja pos.

Hukum Bersuci

Memperkatakan buku “Hukum Bersuci” –

serial Wanita 2.

dilas oleh Puan Zaharah Hamzah, dalam siaran

Radio Malaya 29.10.58 dengan katanya:

“Siri Wanita buku pertama *Di Rumah Rasulullah*,
Penerbitan Qalam, sekarang sudah ada adik, iaitu *Hukum Bersuci* oleh Ummu Muhsin juga. Sebagaimana yang di maksudkan, buku-buku Siri Wanita ni dibuat sama besar bidangnya, kecil comel dan bergambar kulit di depannya. Kalau kulit buku pertama bergambar Masjid Madinah buku *Hukum Bersuci* ini dihias dengan gambar seorang gadis kecil yang sedang khusyuk membaca Qur'an. Dan buku-buku *Siri Wanita* sudah tetap nampaknya menggunakan warna biru muda sebagai latar belakang kulit depannya. *Hukum Bersuci* mengandungi pengajaran-pengajaran Islam yang hanya terdapat dalam kitab-kitab yang besar-besar, tetapi diringkaskan dan disusun semula oleh Ummu Muhsin dengan bahasa yang senang dan terang. Seyogia kita ingat sungguhpun hukum bersuci ini ilmu yang diamalkan dalam penghidupan hari-hari oleh sekalian orang Islam, hendak menulisnya dengan tegas dan terang bukanlah perkara senang. Bak kata Umm Muhsin sendiri: “ Saya terasa berat membuat risalah seperti ini, tetapi kerana memandang di dalam masyarakat kita, boleh dikatakan tidak ada kitab-kitab yang tertentu digunakan, maka inilah saya memberanikan hati”. Memang berat, tetapi Ummu Muhsin telah berjaya mencatatikannya. dan membentangkan satu-satu hukum bersuci dalam Islam dengan tepat dan jelasnya. Ada satu perkara yang saya suka hendak perkatakan berkenaan dengan buku hukum bersuci ini, iaitu lingkungan pembacanya eloklah dihadkan; tidak seperti buku *Di Rumah Rasulullah*, saya sebutkan elok dibaca oleh segala peringkat wanita – dari ibu tua rumah tangga membawa kepada gadis-gadis remaja di bangku sekolah. *Hukum Bersuci* eloklah

dihadkan pembacanya kepada wanita-wanita yang sudah berumah tangga yang sudah mengerti selok-belok soal hidup, dan gadis-gadis dewasa yang sedang bersedia hendak memasuki lapangan dunia yang lebih luas. Antara keterangan-keterangan yang dicatitkan oleh Ummu Muhsin dari awal hingga muka 33, rasa saya, ada beberapa perkara yang tidak di baca oleh anak-anak perempuan yang di bangku sekolah, yang masih mentah dan hijau fikirannya. Menurut pengalaman saya sebagai ibu, anak-anak perempuan yang tidak dilepaskan bergaul dengan lain-lain gadis yang lebih mengertikan soal ini, masih berfikiran suci lagi, walau pun umurnya sudah meningkat lima belas atau enam belas tahun. Pada pendapat saya eloklah anak-anak perempuan yang demikian dibiarkan bersih fikirannya, selain dari hukum bersuci setelah cukup umur, yang boleh diterangkan oleh ibunya sendiri. Benar, isi yang

Anak Ketua Munafik

Munafik, ertinya orang yang bermuka dua.

Munafik yang terkenal di dalam sejarah Islam ialah Abdullah bin Ubay. Perbuatannya menyebabkan turun beberapa ayat Tuhan, tetapi anaknya Habbab, bukan munafik bahkan seorang syuhada yang mengorbankan segala-galanya untuk Allah dan Rasul-Nya.

Baca ceritanya dalam Sejarah Syuhada

Islam yang ke lapan.

Senaskhah 50 sen pos 10 sen.

terkandung dalam muka surat 34 hingga akhir, pengajaran dan keterangan yang berguna kepada anak-anak gadis remaja, tetapi masakan mereka hendak meninggalkan bahagian yang pertama yang menerangkan beberapa soal baharu. Kepada mereka perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman fikiran muda mereka. Maka dengan pendapat itulah saya tegaskan, sekiranya ibu-ibu dan gadis-gadis dewasa menyimpan buku *Hukum Bersuci* ini, menyimpannya untuk pergunaan sendiri, tidak dibiarkan bersepah-sepah dan di baca oleh siapa sahaja anak-anak yang tak tau membaca Jawi. Keseluruhananya elok ibu asingkan buku “*Di Rumah Rasulullah*” dengan adiknya ini iaitu Siri Wanita yang kedua – buku *Hukum Bersuci*. ”

[Sekian ulasannya. Kita berpendapat sebaliknya bahawa mengikut peredaran zaman, bahawa perkara seks yang menentukan perkara hukum mengenai kewajipan dirinya tidaklah molek disembunyikan – hanya sanya kita bersetuju bahawa sulit memberi pelajarannya dengan kata-kata kepada mereka dan kerana itu kita berikhtiar menerbitkannya dengan ringkas dan luas. Dalam pada itu nasihat ni kita sambut dan kita sedang meminta pengarangnya membuat sebuah buku khas untuk wanita-wanita yang baharu naik dengan asas sebagai pelajaran permulaan – Penerbit].

Harga buku ini hanya 40 sen senaskhah tidak termasuk belanja pos. Buku ini mustahak disimpan di dalam tiap-tiap rumah.

Sisa Neraka Dunia Dan Bangkai Bernyawa

Di dalam siaran Radio Malaya dalam mengulas buku-buku A. Muhammad Zin Haji Hamzah dalam memperkatakan buku yang tersebut di atas ini antara lain-lain berkata.

“Dua buah buku karangan saudara Ahmad Lutfi yang diterbitkan oleh Qalam iaitu *Bangkai Bernyawa* dan *Sisa*

Neraka Dunia, rasa saya adalah satu usaha yang patut

benar mendapat pujian tentang susunan cerita, isi cerita dan bahasa yang dipergunakannya.

“Oleh kerana kedua-dua buah buku ini buah tangan seorang yang agak saya mempunyai pengalaman dalam perkara karang mengarang, dan tahu bagaimana hendak menarik perhatian pembaca-pembacanya, terang-terang pengarang cerita ini telah dapat menarik perhatian pembaca kepada beberapa perkara yang kerap terjadi di karangan masyarakat kita di saat yang termaksud dalam cerita-cerita ini.”

“..... pengarangnya (dalam *Bangkai Bernyawa*) dapat menarik perhatian pembaca-pembacanya, sekurangnya saya seorang daripada pembaca-pembacanya terhadap penghidupan yang pahit oleh kedua-dua makhluk yang tersebut dalam cerita ini.

”..... sekiranya buku-buku ini hendak dipergunakan di sekolah-sekolah, rasa saya memang berpadanlah kalau digunakan untuk bacaan tambahan, sebagaimana dihajatkan oleh penerbitnya”. Demikian kata sebahagian ulasan A. Muhammad Zin Haji Hamzah di dalam ruangan memperkatakan buku-buku di Radio Malaya.

Sisa Neraka Dunia berharga \$1.20 dan *Bangkai Bernyawa* berharga \$1.00 tidak termasuk belanja pos.

Bacalah!

Sudah terbit!

Hukum Bersuci

Di susun

Oleh Ummu Muhsin

Serial Wanita 2

Senaskhah 40 sen